

BN mahu masalah dalam PBDS diselesaikan

24/11/813
KUALA LUMPUR: Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) yang akan bermesyuarat bulan depan, mahukan dua puak yang bertelagab dalam Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) menyelesaikan masalah mereka secepat mungkin.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamad Rahmat, berkata BN Pusat ingin melihat isu membabitkan parti itu tidak berlanjutan sebelum mesyuarat berkenaan yang dijangka turut membincangkan isu PBDS.

"Oleh itu, kedua-dua puak terbabit dalam PBDS perlu menyelesaikan masalah mereka secepat mungkin," katanya selepas menghadiri Perhimpunan Agung Tahunan MCA Ke-50 di Wisma MCA di sini, semalam.

Perhimpunan agung itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Krisis dalaman melanda PBDS selepas Datuk Amar Leo Moggie melepaskan jawatannya sebagai presiden parti itu dan Datuk Daniel Tajem dilantik sebagai presiden yang baru.

Bagaimanapun, puak yang diketuai bekas Pengerusi Biro Penerangan PBDS, Datuk Seri Dr James Jemut Masing bertindak mengadakan perhimpunan agung luar biasa mereka di Bintulu bagi melantik dirinya sebagai presiden parti PBDS yang baru.

Kedua-dua pihak merujuk kes itu kepada Pendaftar Pertubuhan untuk menentukan siapa yang berhak menjadi presiden parti itu.

Mohamad berkata, mesyuarat Dewan Tertinggi yang akan dipengerusikan oleh Dr Mahathir akan turut membincangkan status Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP).

Beliau berkata, isu penarikan semula pengantungan keanggotaan dua wakil rakyat MCA Pulau Pinang daripada BN akan juga dibincang.

Jawatankuasa Pusat MCA baru-baru ini mencadangkan supaya pengantungan keanggotaan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Datuk Keramat, Lim Boo Chang dan Adun Jawi, Tan Chin Liang yang dibuat oleh BN akhir tahun lalu, ditarik balik.